



SERAMAI 35 pelajar Bachelor Sains Hortikultur dari Fakulti Pertanian, enam ahli jawatankuasa induk dari ITAFoS dan Fakulti Pertanian, UPM pada program Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda.

## UPM kongsi ilmu hidroponik kepada warga emas

INSTITUT Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda bagi berkongsi ilmu dalam bidang pertanian berdasarkan penanaman hidroponik dan juga tanaman hiasan di Pusat Jagaan Dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah, Seksyen 2, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Ketua projek program berkenaan, Prof. Madya Dr. Ahmad Faizal Abdull Razis berkata, program ini dianjurkan untuk membantu warga emas di pusat jagaan berkenaan melakukan aktiviti penanaman dengan kaedah yang betul dan juga mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah dan bermanfaat.

"Mereka telah mendapat ilmu dan tunjuk ajar secara terus tentang kaedah-kaedah penanaman pokok bersesuaian dengan persekitaran kawasan yang mereka diami."

"Aktiviti yang dianjurkan bersama warga emas ini dapat memupuk mereka untuk menanam dan menjaga kesihatan sambil memenuhi masa lapang bersama-sama rakan mereka di pusat jagaan ini," katanya.

Seramai 35 orang pelajar Bachelor Sains Hortikultur



**ANTARA aktiviti dijalankan ialah aktiviti penanaman dengan melakukan demonstrasi bersama pelajar UPM.**

dari Fakulti Pertanian, 6 ahli jawatankuasa induk dari ITAFoS dan Fakulti Pertanian, serta 25 peserta dari pusat jagaan terlibat pada program berkenaan.

Ujarnya, pelaksanaan program memberi impak positif dalam kalangan warga emas di pusat jagaan tersebut tentang kepentingan pertanian dan tanaman hortikultur.

Tambahnya, bukan hanya warga emas yang mendapat ilmu, malah pelajar yang menyertai program ini turut berkongsi ilmu pertanian dengan melakukan demonstrasi.

"Ia menyumbang kepada pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar serta membuka peluang kepada mereka untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat pada peringkat umur berbeza di dalam komuniti setempat," ujarnya.

Program ini merupakan salah satu projek di bawah geran *Knowledge Transfer Grant Scheme at PTJ (KTGS@PTJ)* bermula Februari 2023 hingga April 2024 yang bertujuan untuk memindahkan kepakaran universiti dan memberi manfaat kepada komuniti.